

# PENDESKRIPSIAN KONTUR INTONASI JENIS AYAT DALAM FILEM *SEMBILU 1* DAN *SEMBILU 2*

*Indirawati Zahid*

## Abstrak

Kajian ini membincangkan pendeskripsian kontur intonasi jenis ayat. Pendeskripsian kontur intonasi dalam kajian ini mengambil dua pergerakan nada awal kontur. Dapatan kontur intonasi yang rencam ini dipermudah dengan prinsip prototaip. Terdapat empat kelompok pergerakan nada awal jenis ayat bahasa Melayu, iaitu %LL, %LH, %HL dan %HH, gabungan pilihan nada tengah yang pelbagai dan pergerakan nada akhir L%, L\*%, H% dan H\*%. Kelompok pergerakan nada awal %HL merupakan yang tertinggi dengan 57 (53.27%) dan yang terendah, %HH, 2 (1.87%). Pergerakan nada akhir yang paling kerap, L%, 82 (76.63%) berbanding dengan L\*% dan H\*% yang masing-masing, 1 (0.94%).

## Abstract

*This study deals with the descriptions of intonation contours of sentence types by adopting the first two initial tone movements. The findings of these varied intonation contours were simplified by using prototype principles. There were four groups of initial tone movements in Malay type of sentences., i.e. %LL, %LH, %HL and %HH, with optional combinations of medial tones and L%, L\*%, H% and H\*% as the finals. The %HL group showed the highest, 57 (53.27%) and the lowest being the %HH, 2 (1.87%). The final tone, the highest being the L%, 82 (76.63%) as opposed to the L\*% and H\*%, 1 (0.94%).*

## PENDAHULUAN

Kajian intonasi memperlihatkan sejarah perkembangannya yang panjang bermula sejak abad ke-18 lagi. Menurut Fox, A. (2000:272) kajian umum

yang cuba mentafsirkan peranan pola intonasi telah banyak dilakukan sejak lewat abad ke-18. Malah menurut beliau lagi, ada beberapa tokoh yang telah memberikan lambang tertentu bagi mewakili kelangsingan menaik-turun dan malar berserta kelangsingan menaik-turun dan turun-naik dengan ilustrasi penggunaannya, antaranya ialah Walker (1787) dan Bell (1886). Hasil kerja Bell yang seratus tahun kemudian daripada Walker, selain mendeskripsikan jenis pergerakan kelangsingan turut menghubungkan setiap satu jenis pergerakan tersebut dengan makna yang dirujuk.

Dengan melihat perkembangan yang berlaku di rantau Melayu, bermula di Indonesia, kajian seumpama ini bertitik tolak daripada Amran Halim (1969) dengan tesis Ph.D., yang bertajuk "Intonation Relation to Syntax in Bahasa Indonesia". Banyak kajian telah dilakukan lanjutan daripada kajian Amran Halim. Dan tidak dapat dinafikan keadaan ini telah mempengaruhi aliran fonologi di sana. Antaranya, Samsuri (1971), "Tjiri-tjiri Prosodi Kalimat Bahasa Indonesia", Zanten, E., dan van Heuven, V.J. (1981), "A Phonetic Analysis of Indonesian Vowel System: An Acoustic Preliminary Study, NUSA: Linguistic Studies of Indonesian and Other Languages in Indonesia" dan Suharno, I. (1982), "A Descriptive Study of Javanese".

Kajian ini selanjutnya banyak dilakukan dalam bentuk makalah seperti Myrna Laksman (1994) yang bertajuk "Location of Stress in Indonesian Words and Sentences", Odé, C. (2000) "Some Notes on Prosody in Mpur and Local Indonesian" dan Goedemans, R., dan Zanten, E. (2001) "Stress and Accent in Indonesia". Manakala dalam bentuk disertasi Ph.D. pula, kajian oleh Ebing, E.F. (1997) bertajuk "Form and Function of Pitch Movements in Indonesia".

Antara kajian dalam bidang ini yang sedang berlangsung ialah Lilie Rosman yang menganalisis bahasa Toba-Batak dan Stoel, R., bahasa Melayu Menado. Manakala kajian yang telah selesai ialah Rahyono, F.X., bahasa Jawa Kraton dan Sugiyono, bahasa Melayu Kutai. Di samping itu, telah diusahakan satu simposium yang bertajuk "Simposium Penelitian Bahasa Indonesia Ragam Lisan" (2001: 6-7 Nov.) yang bermatlamat untuk mengenal pasti fokus kajian yang berkisar dalam bidang intonasi.

Di Malaysia pula, telah diadakan bengkel yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1981 yang membincangkan intonasi bahasa Melayu. Hasil bengkel tersebut menjadi input dalam buku *Tatabahasa Dewan* (1986) (1995, Edisi Baharu). Malah kertas kerja oleh Asraf untuk bengkel itu diterbitkan dalam buku kecil yang bertajuk *Intonasi dalam Hubungan dengan Sintaksis Bahasa Melayu* (1988). Namun, bengkel itu tidak disusuli dengan kajian lanjut tentang intonasi kecuali Kuliah Tamu

yang diadakan oleh Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur dari 20–22 Januari 2002 dengan mengundang tokoh intonasi<sup>1</sup>.

Hashim Musa (1971) dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk “Pengantar Chiri-chiri Prosodi Sendi dan Intonasi serta Pengwujudan Chiri-chiri Itu di dalam Dialek Kelantan yang Ditutur di Pasir Mas” meneliti pewujudan gejala intonasi dalam dialek Kelantan. Kajian seterusnya pada tahun 1994, di peringkat Ph.D. oleh Eric Wong yang bertajuk, “A Systemic Phonological Study of Penampang Kadazan”. Terdapat satu bab dalam disertasi tersebut yang membincangkan intonasi bahasa Penampang Kadazan. Bab ini menyentuh peranan intonasi dalam unit maklumat. Pada tahun 1996 sebuah disertasi Ph.D. oleh Zuraidah Md. Don dihasilkan dengan tajuk “Prosody in Malay Discourse: An Analysis of Broadcast Interview”. Disertasi ini membincangkan aspek prosodi dalam wacana sesi temu bual dengan menggunakan parameter jeda sebagai penentu giliran bercakap.

Di Malaysia, faktor kelembapan penyelidikan tentang intonasi kemungkinan dapat dikaitkan dengan perkembangan baru ilmu linguistik, khususnya fonologi yang ditawarkan di Universiti Malaya melalui Jabatan Pengajian Melayu. Untuk membincangkan aspek fonologi, iaitu intonasi kurang dapat dimungkinkan tanpa peralatan seperti mesin spektograf. Oleh itu, sehingga kini tiada penawaran kursus ini. Malahan, didapati di universiti tempatan belum ada kursus seumpama itu<sup>2</sup>. Hashim Musa<sup>3</sup> sendiri tidak menggunakan sebarang peralatan seperti mesin spektograf melainkan dengan menggunakan perakam kaset yang diulang berkali-kali. Asraf<sup>4</sup> pula mengakui bahawa beliau menggunakan piano untuk menunjukkan tingkat tinggi nada intonasi. Perkembangan kajian intonasi yang menggunakan kaedah eksperimental memerlukan peralatan komputer yang mempunyai program tertentu. Hal ini tidak terdapat di sini.

Kajian ini akan menggunakan program **Praat**<sup>5</sup>, iaitu program yang menganalisis data fonetik dengan bantuan komputer. Program ini dibina

---

1 Dr. Odé, C. dari International Institute for Asian Studies (IIAS), Universiti Leiden, Netherlands, atas biaya Projek Intonasi Bahasa Melayu. Kuliah beliau berkisar tentang pengendalian program menganalisis data bunyi berbantuan komputer.

2 Dengan berdasarkan buku panduan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan kunjungan peribadi ke UKM dan UPM. Sementara di Universiti Sains Malaysia (USM) pula, maklumat didapati daripada pensyarah sambilan yang mengajarkan kursus fonologi.

3 Perkara ini diakui oleh Hashim Musa semasa beliau melakukan penyelidikan bagi latihan ilmiahnya.

4 Maklumat diperoleh daripada Sanat Md. Nasir.

5 Program ini ditatar dari semasa ke semasa. Dan boleh dimuat turun daripada Internet.

pada tahun 1992 sebagai alat kepada ahli fonetik dalam penyelidikan dan penerbitan. Program tersebut mempunyai keupayaan menganalisis, mensintesis, dan memanipulasikan tuturan. Di samping itu, program ini berkemampuan untuk menghasilkan grafik yang tinggi mutunya untuk artikel dan tesis.

Oleh sebab keistimewaan dan kemampuan program ini untuk menganalisis data fonetik dengan komputer, penggunaannya begitu meluas sekali digunakan di Eropah. Dan kini penggunaan program ini telah tersebar ke rantau Asia. Antara sarjana bahasa yang menggunakan program ini untuk menganalisis data fonetik ialah Bruce, G., van Heuven, V.J.J., dan Gussenhoven, C.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini mempunyai satu objektif, iaitu mendeskripsikan kontur intonasi yang merangkumi ayat deklaratif (Dek), ayat imperatif (Imp) dan ayat tanya Q dan Qwh. Kaedah analisis akan mengaplikasikan Model Intonasi Pindaan (MIP).

### **Bidang Kajian**

Tumpuan kajian ini adalah pada aspek intonasi yang merujuk kepada pergerakan kelangsingan.

### **Bahan Kajian**

Kajian ini akan menggunakan filem Melayu *Sembilu 1* dan *2* terbitan tahun 1990-an. Kedua-kedua filem ini merupakan filem yang berkesinambungan antara satu sama lain dan tujuan ini dilakukan adalah untuk mendapatkan urutan analisis yang tepat selain untuk mengekalkan data tuturan daripada penutur yang sama. Data yang dipilih daripada tuturan watak lelaki dan wanita utama dalam kedua-dua filem ini berjumlah 120 ujaran. Sejumlah 60 data ujaran deklaratif, 20, imperatif dan tanya (Q dan Qwh), masing-masing 20 data ujaran.

### **Kaedah Kajian**

Kajian ini akan mengambil kira aliran Belanda dengan kaedah IPO, iaitu analisis sintesis semula. Di bawah kaedah ini, data bunyi kedua-dua filem

dimasukkan ke dalam program Praat 4.1.19<sup>6</sup>. Data filem ditranskripsikan secara auditori. Data yang mempunyai gangguan bunyi tidak diguna pakai. Seterusnya, hanya 120 data ujaran diklasifikasikan berdasarkan jenis ayat dan diikuti dengan memanipulasikan parameter Fo yang menghasilkan tuturan sintesis semula. Melalui proses ini hanya makrointonasi, iaitu nada yang signifikan akan dikekalkan dan manakala mikrointonasi pula disingkirkan. Makrointonasi ini digambarkan dalam bentuk garis lurus yang dinamakan stilisasi. Hasilnya akan diperdengarkan dan dibandingkan dengan yang asli melalui ujian persepsi. Ujian ini akan menghasilkan salinan apabila menyamai yang asli dan mempunyai garis lurus yang minimum. Dengan berdasarkan salinan ini, pendeskripsian kontur intonasi akan dilakukan mengikut penjenisan ayat. Seterusnya, pelabelan kontur dilakukan dengan menggunakan teori autosegmental. Analisis kajian ini akan menggunakan **Model Intonasi Pindaan (MIP)** yang menggabungkan prosedur IPO, pelabelan teori autosegmental dan model Mozziconacci, S. (1998).

## Konsep-konsep Utama

### Intonasi

Intonasi ialah subordinat kepada prosodi yang terdiri daripada fitur turun naik nada yang terhasil dalam sesuatu jenis ayat yang mendukung makna emosi penutur.

### Frasa Intonasi

Frasa intonasi ialah ujaran yang dipisahkan antara pemisah sama ada pemisah berciri tetap atau pemisah berciri pilihan dan terkandung maklumat di dalamnya.

### Kontur Intonasi

Kontur intonasi ialah pola turun naik nada yang melibatkan fitur prosodi tertentu.

### Prototaip

Prototaip ialah bentuk kontur intonasi contoh yang diwujudkan berdasarkan

6 Lihat Kaedah Masukan Data dan Stilisasi.

tiga prinsip, iaitu bilangan pelabelan nada, kekerapan, dan unsur ujaran yang minimum.

### **Rumus Bentuk Kontur**

Rumus bentuk kontur ialah kelompok pergerakan nada berdasarkan jenis ayat atau jenis makna emosi ujaran.

### **Kaedah Masukan Data dan Stilisasi**

Kaedah masukan data ke dalam program harus dimulakan dengan memindahkan data bunyi daripada cakera padat video filem ke dalam komputer melalui proses-proses yang berikut:

1. Runut bunyi daripada VCD filem dikeluarkan dalam bentuk gelombang bunyi dengan menggunakan program *Gold Wave* versi 4.00.5000.
2. Kadar sampel asal runut bunyi ialah 44 100 Hz.
3. Fail bunyi disimpan di dalam pemacu C<sup>7</sup> sebagai 16 bit *stereo signed*.
4. Dengan menggunakan program *Vssplit*, fail bunyi dipisahkan ke dalam dua saluran, kiri dan kanan, yang seterusnya menghasilkan saluran kiri dan saluran kanan.
5. Dengan menggunakan program sampel *Vsre*, fail bunyi kemudiannya diperkecil<sup>8</sup> saiznya kepada 22 050 Hz.
6. Fail bunyi kemudian diproses di bawah fail bunyi panjang dalam **Praat** versi 4.0.19.

Proses stilisasi akan melibatkan bunyi yang direalisasikan dengan menggunakan resolusi frekuensi yang standard bagi keseluruhan data bunyi. Semua data bunyi akan distilisasikan dengan resolusi frekuensi 4 st.

### **Hipotesis Kajian**

Kajian ini mempunyai satu hipotesis:

Bahawa bahasa Melayu mempunyai bentuk kontur intonasi yang pelbagai untuk sesuatu jenis ayat.

---

<sup>7</sup> C drive.

<sup>8</sup> down sampled.

## Model Intonasi Pindaan (MIP)

Model Intonasi Pindaan (seterusnya disingkatkan sebagai MIP) digagaskan untuk mengatasi kekurangan tiga model awal dan Model Mozziconacci, S. (1998). Walaupun keempat-empat model yang dibincangkan mempunyai kekurangan yang tersendiri, kelihatan Model Mozziconacci, S. (1998) dapat dijadikan asas pembinaan MIP dari segi prosedur IPO, ujian persepsi dan hubungan kontur intonasi dengan makna emosi.

Model Amran Halim (1969) dan Eric Wong (1994), kecuali Hashim Musa (1971), masing-masing menggunakan kaedah eksperimental dalam menganalisis data. Kecuali Amran Halim, Eric Wong, dan Hashim Musa membincangkan makna emosi. Selain itu, ketiga-tiga mereka tidak mengaplikasikan kaedah ujian persepsi dalam mengabsahkan dapatan struktur kontur intonasi. Dalam pendeskripsian kontur intonasi ketiga-tiga model ini menggunakan sistem pelabelan yang kompleks.

Dari segi informan, model ini berbeza dengan Mozziconacci, S. dari segi kelangsungan hubungan antara pengkaji dengan informannya. Mozziconacci, S., menentukan kehendaknya kepada informan berbanding dengan model ini yang tidak ada hubungan. Informan dalam model ini ialah watak utama filem. Model yang membiarkan informan bebas melafazkan ujaran dianggap lebih alamiah.

Data yang dikutip daripada filem *Sembilu 1* dan *2* berjumlah 120 data ujaran yang berbeza jenis sama ada dari segi jenis ayat, bukan semata-mata ayat penyata atau kontur intonasinya.

Model ini mempunyai tumpuan yang sama dengan Model Mozziconacci, S., daripada aspek parameter intonasi yang dibincangkan, iaitu pergerakan nada dan durasi. Jika Model Mozziconacci, S., lebih tertumpu kepada pergerakan kelangsingan akhir, model ini melihat secara keseluruhan pergerakan nada awal dan akhir sebagai unsur utama manakala pergerakan nada tengah sebagai unsur pilihan.

Pendeskripsian analisis dalam model ini menggunakan teori auto-segmental yang melabelkan nada kata sasaran dalam kontur intonasi. Ini berbeza dengan Mozziconacci, S., yang melabelkan pergerakan kelangsingannya dengan sistem tatabahasa intonasi IPO. Pelabelan dengan kaedah auto-segmental ini lebih memudahkan cara kerana label hanya diletakkan pada nada kata sasaran dalam kontur berbanding pelabelan IPO yang kompleks untuk mendeskripsikan setiap pergerakan yang berlaku.

MIP dapat dikatakan sebagai model kebalikan kepada Model Mozziconacci, S., yang mengambil kira segala kekurangan model tersebut.

Model ini lebih memfokuskan analisis kualitatif dapatan fonetik eksperimental yang berhubung dengan penentuan dan penyenaaraian makna emosi yang berdasarkan teks, interteks, dan konteks data filem tersebut. Tambahan pula, penggunaan informan yang tidak ada hubungan sama sekali kerana watak filem dan lebih khusus lagi kealamiahannya data yang tidak terhad menjamin interpretasi yang lebih menyeluruh dan tepat. Tumpuan yang lebih menyeluruh dengan pendeskripsian pergerakan nada awal akhir bagi jenis ayat data alamiah dan emosi akan memungkinkan maklumat lebih tepat seperti yang dicontohkan berikut:

Jenis Ayat	Ayat	Jenis Emosi
(a) %LH%	Apa? (Qwh4)	Tertanya-tanya
(b) %HL%	Hai? (Q10)	Tertanya-tanya
(c) %LH*%	Masuk. (Imp9)	Penegasan
(d) %HL*%*%LL%	Insya-Allah kalau aku <i>free</i> . (Dek1)	Keberatan
(e) %HL(%)%HLH* LHLL%	Ohh ... Kalau begitu aku datang jemput kau di kampus. (Dek7)	Neutral

Seterusnya, kebalikan dapat dilihat dalam pelabelan dua jenis nada rendah (L) dan tinggi (H) sesuai dengan tuntutan kesederhaan untuk memahami kontur intonasi.

### Analisis Kontur Intonasi: Jenis Ayat

Dalam bahagian ini akan dibincangkan prosedur analisis, pelabelan kontur intonasi, prinsip prototaip, dan rumus bentuk kontur intonasi.

### Prosedur Analisis

Dalam mendeskripsikan kontur intonasi, salinan kontur intonasi perlu dilakukan. Berikut merupakan prosedur yang telah dilaksanakan:

- (i) Stilisasi – proses memanipulasikan kelangsingan dengan teknik PSOLA – sintesis semula. Teknik ini mempermudah kontur asal intonasi. Bagi kesemua data analisis, nilai standard titik tolak resolusi frekuensinya ditetapkan 4st. Tujuan prosedur ini adalah untuk mendapatkan salinan kontur asal intonasi. Tiga stimuli dibina bagi



setiap data yang digunakan dalam ujian persepsi.

- (ii) Ujian persepsi – mendapatkan pengesahan salinan kontur asal intonasi. Ujian ini menggunakan penutur bahasa Melayu. Ujian ini dilakukan dengan mengambil sejumlah 30 data sahaja daripada 53 data ujaran Dek sementara bagi ujaran berbaki, iaitu Imp, Qwh dan Q, kesemua data ujaran digunakan dalam ujian. Ujian ini dilakukan sebanyak dua kali dengan ujian kali kedua susunan data stimuli dirawakkan.

Dek	30 data x 2 ujian x 3 stimuli	= 180
Imp	19 data x 2 ujian x 3 stimuli	= 114
Q	16 data x 2 ujian x 3 stimuli	= 96
Qwh	19 data x 2 ujian x 3 stimuli	= 114
	Jumlah data stimuli	= 504

Responden diberi empat pilihan sama ada menerima stimuli yang diperdengarkan itu sebagai (a) paling tepat; (b) diterima; (c) tidak tepat atau (d) tidak pasti.

### **Pelabelan Kontur Intonasi**

Seperti yang telah dinyatakan, kontur intonasi data ujian dideskripsikan dengan kaedah pelabelan teori autosegmental. Teori ini melabelkan nada kata sasaran dalam kontur intonasi dengan abjad L yang mewakili nada rendah (L) dan H, nada tinggi (H). Dan kelantangan bunyi yang merujuk kepada aksens yang pada nada L atau H seperti L\* atau H\*. Lambang % (peratus) merujuk kepada pemisah.

### **Prinsip Prototaip**

Memandangkan dapatan analisis pelabelan nada kata sasaran kontur intonasi begitu beragam, tiga prinsip pembentukan prototaip dihasilkan. Rasional pembentukan prototaip ini adalah untuk mendapatkan bentuk asas bagi mewakili kontur intonasi ujaran. Berikut adalah prinsip yang diguna pakai:

- (i) pelabelan nada kata sasaran yang minimum,
- (ii) paling umum dan paling kerap berulang dalam data,
- (iii) unsur minimum ujaran.

Asas penggunaan prinsip ini ialah prinsip (i) akan merupakan keutamaan pembentukan prototaip dan diikuti oleh prinsip ke (ii) dan ke (iii).

### Rumus Bentuk Kontur Intonasi

Data analisis dalam bab ini menggunakan jumlah data yang sama seperti dalam Bab 4. Walau bagaimanapun, dalam analisis ini sejumlah 13 data diketepikan<sup>9</sup> kerana kualiti lafaz ujaran yang terlalu cepat dan kurang jelas untuk pendeskripsian kontur dan pelabelan grid teks. Jumlah keseluruhan data yang dianalisis ialah 107. Taburan data baru adalah seperti dalam Jadual 1 yang berikut:

**Jadual 1** Data Jenis Ayat dan Jantina.

Jenis Ayat Penutur	Dek		Imp		Q		Qwh		Jumlah	
	Lelaki (S1)	27	50.95%	9	47.37%	7	43.75%	10	52.63%	53
Wanita (S2)	26	49.05%	10	52.63%	9	56.25%	9	47.37%	54	50.46%
Jumlah	53	100.00%	19	100.00%	16	100.00%	19	100.00%	107	100.00%

Pada keseluruhan bilangan ujaran seperti dalam Jadual 1 didapati tidak begitu ketara perbezaan antara penutur lelaki (S1) dan wanita (S2), iaitu masing-masing 53 (49.54%) dan 54 (50.46%). Hal ini juga berlaku, dari segi jenis ayat yang menunjukkan ketiadaan perbezaan yang nyata baik bagi ujaran deklaratif, imperatif, tanya Qwh, dan Q. Jika dilihat dari segi jantina, masing-masing jenis ayat yang tersebut, ayat deklaratif, 27 (50.95%) dan Qwh, 10 (52.63%) lebih tinggi daripada penutur wanita, iaitu masing-masing, 26 (49.05%) dan 9 (47.37%). Tetapi dari segi penutur wanita (S2) pula jenis ayat imperatif, 10 (52.63%) dan jenis Q, 9 (56.25%), iaitu lebih tinggi daripada penutur lelaki (S1), masing-masing, 9 (47.37%) dan 7 (43.75%).

Hasil daripada analisis yang dilakukan telah diperolehi rumus bentuk kontur intonasi mengikut penjenisannya. Bentuk tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a) rumus bentuk kontur intonasi deklaratif,
- (b) rumus bentuk kontur intonasi imperatif,

<sup>9</sup> Lampiran I Data Analisis yang Tidak Digunakan.

- (c) rumus bentuk kontur intonasi tanya (Q),
- (d) rumus bentuk kontur intonasi tanya (Qwh).

Kontur intonasi yang dideskripsikan tidak akan membezakan antara penutur lelaki dengan wanita.

Rumus bentuk kontur intonasi menghuraikan hubungan yang wujud dalam pergerakan nada awal, nada tengah, dan nada akhir. Pergerakan nada awal<sup>10</sup> yang terdapat dalam kurung busur pertama merupakan bentuk prototaip bagi keseluruhan kontur intonasi yang dikaji apabila mana-mana satu pergerakan nada awal dan akhir berhubungan tanpa melibatkan gabungan secara pilihan mana-mana satu pergerakan nada tengah dalam kurung siku yang dilindungi oleh tanda kurung. Lambang kurung siku menandakan pemisahan pergerakan nada dalam rumus. Manakala tanda kurung pula merujuk kepada pilihan pergerakan nada. Sebaliknya pula, seandainya mana-mana satu pergerakan nada awal bergabung secara pilihan dengan mana-mana pergerakan nada tengah dan seterusnya diikuti oleh pergerakan nada akhir, bentuk ini tidak dianggap sebagai bentuk prototaip. Dan sekiranya pergerakan nada awal diikuti oleh pemisah peratus dan pada unsur minimum ujaran pula, pergerakan nada awal itu merupakan bentuk frasa intonasi yang lengkap dan tidak memerlukan mana-mana satu pilihan nada tengah dan nada akhir. Bentuk ini juga disebut sebagai prototaip.

Pemisah yang terlibat dalam bentuk ini disebut sebagai pemisah berciri tetap. Jika pada bukan unsur minimum ujaran pula, pemisah tersebut disebut sebagai berciri pilihan. Ini bererti pergerakan nada awal itu merupakan bentuk yang tidak lengkap dan memerlukan mana-mana satu pilihan nada tengah dan nada akhir. Pemisah yang berciri tetap boleh sahaja dihubungkan dengan mana-mana pergerakan nada tengah dengan syarat nada tengah wajib dimulai dengan pemisah juga dan diakhiri dengan pergerakan nada akhir. Sementara itu, pemisah yang berciri pilihan (%) merupakan bentuk yang tidak lengkap dan harus berhubungan dengan nada tengah yang juga wajib dimulai dengan pemisah dan diakhiri dengan nada akhir.

### **Rumus Bentuk Kontur Intonasi Deklaratif**

Dengan membuat klasifikasi pergerakan dua nada awal kontur, pergerakan nada tengah dan pergerakan nada akhir kontur, dapatan analisis adalah seperti yang berikut:

---

<sup>10</sup> Dengan mengambil dua nada awal dalam kontur intonasi seperti dalam gagasan model MIP.


**Rumus 1 Bentuk Kontur Intonasi Deklaratif<sup>11</sup>.**

		([L] [L*][L% %L L % %LHL*][L% %HH*])	L%
% LL*	(%)	[L* % %HLH*][%L][L L*][L*H][L H* L % %L]	H %
% LH	{(%) ∅}	[L* H*][L*HLH][LH][%LH][LHLH* LH][LHL] [LH*LHLHLH*]	
% LH*		[LHLL* H][LH* L][LHLHLH* L][H][H*][%HLH*L]	
% HL	{(%) ∅}	[%HLL*][HL][%HL][%H*L%HL][H*LL*][HL*][%HL*] [%HLH* LHL]	
% HL*	{(%) ∅}	[H*% %LH*][HLHL* H* L][H* LL*][H* LL][HLHL* H] [HLH][H* L][H* LH*][%HL*%HL%HLH* L]	

Analisis menunjukkan terdapat empat bentuk prototaip dalam kontur intonasi deklaratif<sup>12</sup> adalah seperti dalam contoh:

- (a) % LH \* L % : Dia kekasih aku Ziana. (Dek 21 S1)
- (b) % HL % : Saya tahu. (Dek 26 S2)
- (c) % HL\* % : Insya-Allah. (Dek 2 S1)
- (d) % HL\* L % : Terima kasih. (Dek 11 S1)

Jika dikelompokkan terdapat dua kelompok<sup>13</sup> prototaip bagi kontur intonasi deklaratif dalam analisis ini, iaitu;



Manakala bentuk bukan prototaip dalam intonasi deklaratif dapat dicontohkan seperti yang berikut:

- (a) % LL\*(%)%LHLL % : Kalau boleh aku tak mahu perkara ini dihebohkan. (Dek 16 S1)

11 Yang telah disederhanakan daripada lampiran tanpa mengambil kira urutan kedudukan antara kurung-kurung busur. Lihat Lampiran I: Pergerakan Nada Jenis Ayat dengan Jenis Makna Emosi.

12 Lihat Lampiran I: Pergerakan Nada Jenis Ayat dengan Makna Emosi.

13 Pembentukan superordinat pergerakan nada asas yang dimiliki dengan ciri yang sama dalam subordinatnya. Walau bagaimanapun, superordinat tersebut bukan dengan sendirinya bentuk prototaip.

- (b) % LHLL% : Tengoklah aku tak boleh berjanji.  
(Dek 3 S1)
- (c) % LH \* LL % : Aku sendiri pun tak ingat.  
(Dek 10 S1)
- (d) % HLH \* H % : Bukan soal takut Jet. (Dek 26 S1)
- (e) % HL\* HLH % : Tapi dia sakit bang. (Dek 16 S1)

Dalam data yang dikaji terdapat dua jenis pemisah, iaitu pemisah berciri tetap dan pilihan. Pemisah berciri tetap ialah % HL % (Dek 26 S2) % HL \* % (Dek 2 S1) yang boleh berdiri sebagai frasa intonasi yang lengkap. Manakala pemisah berciri pilihan ialah % HL (%) % HL HL HLL % (Dek 7 S1) dan % HL\* (%) HLL % (Dek 17 S2).

Daripada Rumus 1 sebelum ini, kekerapan pergerakan nada<sup>14</sup> awal kelompok ditunjukkan dalam Jadual 2 adalah seperti yang berikut:

**Jadual 2** Jumlah Kekerapan Kelompok Jenis Pergerakan Nada Awal Deklaratif.

Kelompok Jenis Pergerakan Nada Awal Deklaratif	Jumlah Kekerapan	
Kelompok %LL % L L* (%)	1	1.89%
<b>Jumlah: 1</b>	<b>1</b>	<b>1.89%</b>
Kelompok %LH % LH $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$	14	26.42%
% LH *	7	13.21%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>21</b>	<b>39.62%</b>
Kelompok %HL % HL $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$	24	45.28%
% HL * $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$	7	13.21%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>31</b>	<b>58.49%</b>
<b>Jumlah Besar: 5</b>	<b>53</b>	<b>100.00%</b>

<sup>14</sup> Tanpa mengambil kira tempo masa (durasi) lonjakan nada kata sasaran dan kecerunan yang

Didapati tiga kelompok pergerakan nada awal deklaratif, iaitu jika menurut susunan kekerapannya ialah % HL berjumlah 31 (58.49%) dengan diikuti oleh % LH, 21 (39.62%) dan % LL, 1 (1.89%). Kelompok % H L merupakan kelompok yang paling kerap terdiri daripada jenis (%) pergerakan nada awal % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  yang berjumlah 24 (45.28%), (%) % HL\*  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$ , 7 (13.21%) dengan diikuti oleh kelompok % LH yang terdiri  $\emptyset$  daripada pergerakan nada % LH  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$ , 14 (26.42%) dan % LH \* yang  $\emptyset$  berjumlah 7 (13.21%). Manakala kelompok yang paling kurang ialah % LL dengan pergerakan nada % LL\*(%) yang berjumlah 1 (1.89%).

Jenis pergerakan nada awal deklaratif dapat dicontohkan seperti yang berikut:

- (a) % LL\* (%) : Kalau boleh ... (Dek 16 S1)
- (b) % LH ... : Tengoklah aku tak ... (Dek 3 S1)
- (c) % LH \* ... : Aku sendi ... (Dek 10 S1)
- (d) % HL (%) : Oh ... (Dek 7 S1)
- (e) % HL ... : Sorry Zia ... (Dek 18 S1)
- (f) % HL\*% : Insya Allah ... (Dek 2 S1)
- (g) % HL\* ... : Terima ... (Dek 11 S1)

Analisis tentang pergerakan nada akhir memperlihatkan dua jenis nada, iaitu L % dan H % dan jumlah kekerapan masing-masing adalah seperti dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Jumlah Kekerapan Jenis Pergerakan Nada Akhir Deklaratif.

Jenis Pergerakan Nada Akhir Deklaratif	Jumlah Kekerapan	
L %	42	79.25%
H %	11	20.75%
<b>Jumlah Besar: 2</b>	<b>53</b>	<b>100.00 %</b>

berlaku dalam perkataan / suku kata sesuatu perkataan, kaedah pelabelan telah dipermudah dengan dua label L atau H, yang boleh saja menerima \* bagi merujuk kepada aksan langsing. Oleh itu, tanda-tanda diakritik seperti "+" dan "-" tidak digunakan. Kaedah yang sama juga digunakan untuk ujaran imperatif, tanya Q dan Qwh. Lihat Lampiran I.

Ini menunjukkan jenis pergerakan nada akhir deklaratif L % lebih kerap, iaitu sebanyak 42 (79.25%) dan diikuti dengan H %, 11 (20.75%).

Jenis pergerakan nada akhir dapat dicontohkan seperti yang berikut:

- (a) ... L % : ... kul (Dek 13 S1)  
 (b) ... H % : ... bang (Dek 23 S2)

Jumlah keseluruhan kelompok padanan pergerakan nada awal dengan nada akhir kontur intonasi adalah seperti dalam Jadual 4:

**Jadual 4** Jumlah Kekerapan Kelompok Padanan Jenis Pergerakan Nada Awal dengan Akhir Deklaratif.

Kelompok Jenis Pergerakan Nada Awal Deklaratif	Jumlah Kekerapan		Jenis Pergerakan Nada Akhir Deklaratif	Jumlah Kekerapan	
Kelompok % LL % L L*(%)	1	1.89%	L %	1	1.89%
<b>Jumlah: 1</b>	<b>1</b>	<b>1.89%</b>	<b>Jumlah: 1</b>	<b>1</b>	<b>1.89%</b>
Kelompok % LH % L H $\left\{ \begin{matrix} (\\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$	14	26.42%	% LH *	11	20.75%
			H %	3	5.66%
L %	7	13.21%	L %	7	13.21%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>21</b>	<b>39.62%</b>	<b>Jumlah: 2</b>	<b>21</b>	<b>39.62%</b>
Kelompok % HL % HL $\left\{ \begin{matrix} (\\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$	24	45.28%	L %	18	33.96%
			H %	6	11.32%
% HL* $\left\{ \begin{matrix} (\\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$	7	13.21%	L %	4	7.57%
			H %	3	5.66%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>31</b>	<b>58.49%</b>	<b>Jumlah: 2</b>	<b>31</b>	<b>58.49%</b>
<b>Jumlah Besar: 5</b>	<b>53</b>	<b>100.00%</b>	<b>Jumlah: 2</b>	<b>53</b>	<b>100.00%</b>

Didapati tiga kelompok padanan pergerakan nada awal dengan akhir deklaratif, iaitu jika menurut susunan kekerapannya, masih ditentukan oleh jumlah pergerakan nada awal deklaratif, iaitu yang tertinggi kelompok %

HL yang berjumlah 31 (58.49%). Daripada kelompok % HL kekerapan 31 itu, padanan % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  ... L % berjumlah 18 (33.96%) dengan diikuti oleh % HL (%) ... H %, 6 (11.32%), % HL\*  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  ... L %, 4 (7.57%) dan % HL\* ... H %, 3 (5.66%). Ini diikuti oleh kelompok % LH, iaitu % LH  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  ... L %, 11 (20.75%), % LH ... H %, 3 (5.66%) dan % LH\* ... L %, 7 (13.21%). Kelompok yang paling kurang ialah % LL, % LL\*(%) ... L %, 1 (1.89%).

Jenis padanan pergerakan nada awal dengan akhir deklaratif dapat dicontohkan seperti yang berikut:

- (a) % LL\*(%) ... L % : Kalau boleh aku tak mahu perkara ini dihebohkan. (Dek 16 S1)
- (b) % LH ... L % : Tiba-tiba muncul je. (Dek 8 S1)
- (c) % LH ... H % : Girl friend aku. (Dek 20 S1)
- (d) % LH\* ... L % : Aku tak tahu Ziana. (Dek 12 S1)
- (e) % HL (%) ... L % : Ohh ... kalau begitu aku datang jemput kau di kampus. (Dek 7 S1)
- (f) % HL ... L % : Alice, kau tak tahu keadaan sebenarnya. (Dek 23 S1)
- (g) % HL ... H % : Bukan soal takut Jet. (Dek 26 S1)
- (h) % HL\* ... L % : Terima kasih. (Dek 11 S1)
- (i) % HL\* ... H % : Tapi, dia sakit bang. (Dek 16 S2)
- (j) % HL\* % % ... L % : Insya-Allah kalau aku *free*. (Dek 2 S1).

Rumus 1 Bentuk Kontur Intonasi Deklaratif menunjukkan pergerakan nada tengah terdiri daripada gabungan pilihan nada L, L\*, H, H\* dan pemisah %. Antara gabungan pilihan tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a) % ... L ... % : ... berjanji .... (Dek 3 S1)
- (b) % ... HL ... % : ... tak mahu .... (Dek 16 S1)
- (c) % ... L\* ... % : ... ti agak .... (Dek 19 S1)
- (d) % ... H\* ... % : ... nin ni .... (Dek 8 S2)
- (e) % ... % % HLH\* ... % : ... % tak buat apa cik.... (Dek 1 S1)



Bagi kontur intonasi deklaratif analisis memperlihatkan bahawa terdapat dua kelompok prototaip, iaitu % LH dan % HL. Dan berasaskan prinsip pembentukan prototaip kontur ujaran, bentuk % HL % merupakan bentuk prototaip yang ideal bagi ayat deklaratif. Kontur intonasi ini juga mempunyai pemisah berciri tetap dan pilihan. Daripada tiga kelompok pergerakan nada awal yang ditemui, kelompok yang paling kerap ialah % HL, 31 (58.49%) berbanding dengan kelompok % LL, 1 (1.89%). Dan dalam kelompok % HL,

jenis % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  bukan sahaja lebih kerap berbanding dengan jenis % HL\*  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  malah paling tinggi berbanding dengan jenis daripada kelompok lain.

Sementara itu, jenis pergerakan nada akhir yang lebih kerap ialah L % sebanyak 42 (79.25%) berbanding dengan H%, 11 (20.75%). Manakala padanan pergerakan nada awal dengan akhir yang paling kerap ialah % H L% ... L% berjumlah 18 (33.96%) berbanding dengan % LL \* (%) ... L%, 1 (1.89%). Selain itu, umumnya terdapat lima jenis pergerakan nada awal dan dua jenis pergerakan nada akhir bagi kontur intonasi deklaratif. Akhirnya, dari segi pergerakan nada tengah didapati terdiri daripada gabungan pilihan empat nada, iaitu L, L\*, H dan H\* serta pemisah %.

### Rumus Bentuk Kontur Intonasi Imperatif

Dengan membuat klasifikasi pergerakan dua nada awal kontur, pergerakan nada tengah dan pergerakan nada akhir kontur, dapatan analisis adalah seperti yang berikut:

Rumus 2 Bentuk Kontur Intonasi Imperatif<sup>15</sup>.

$$\left( \begin{array}{l} \% LL* \\ \% LH \\ \% LH* \% \\ \% HL \left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\} \\ \% HL* \left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\} \\ \% HH* \left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\} \end{array} \right) \left( \begin{array}{l} ([L*][LH*][L*H][L*\%LH*LHL][H][HL][\%HL*]) \\ [HL*LHLHLH*][HLHL*HL][\%LHLHLHL*HL] \\ [HLH*][HL\%HH*LH][H*HLH][HL*][HH*] \end{array} \right) \left( \begin{array}{l} L \% + \\ H \% \\ H * \% + \end{array} \right)$$


\* juga nada akhir dalam pergerakan nada awal % LH\*% dan % HL%.

15 Yang telah disederhanakan daripada lampiran tanpa mengambil kira urutan kedudukan antara

Analisis menunjukkan terdapat empat bentuk prototaip dalam kontur intonasi imperatif<sup>16</sup> seperti dalam contoh:

- (a) % LH \* % : Masuk. (Imp 9 S2)
- (b) % HL % : Jangan Ziana. (Imp 2 S1)
- (c) % HL\* L % : Jangan menghina Alice. (Imp 5 S1)
- (d) % HH \* L % : Masuklah. (Imp 1 S1).

Jika dikelompokkan, terdapat tiga kelompok prototaip bagi kontur intonasi imperatif, iaitu;



Manakala bentuk bukan prototaip dalam intonasi imperatif adalah seperti dalam contoh:

- (a) % LL\* HL % : Jangan lupa telefon rumah tau. (Imp 4 S2)
- (b) % LHLH \* L% : Kau jangan buat fitnah Jet. (Imp 8 S1)
- (c) % HLL\* L% : Jangan susahkan diri kau kerana aku Ziana. (Imp 3 S1)
- (d) % HL\* HLHH \* LHL% : Sekarang kau kena tolong aku, aku perlu jumpa Wati. (Imp 6 S1).

Dalam data yang dikaji terdapat pemisah berciri tetap, iaitu % LH \* % (Imp 9 S2) dan % HL % (Imp 2 S1). Pemisah berciri tetap ini boleh berdiri sebagai frasa intonasi yang lengkap. Sementara itu, pemisah berciri pilihan ialah % HL (%) HLHL\* HLH % (Imp 2 S2) dan % HL\* (%) HLL% (Imp 5 S2).

Daripada Rumus 2 sebelum ini, kekerapan pergerakan nada awal kelompok ditunjukkan dalam Jadual 5 yang berikut:

<sup>16</sup> kurung-kurung busur. Lihat Lampiran I: Pergerakan Nada Jenis Ayat dengan Makna Emosi.  
<sup>16</sup> Lihat Lampiran I: Pergerakan Nada Jenis Ayat dengan Makna Emosi.

Jadual 5 Jumlah Kekerapan Kelompok Jenis Pergerakan Nada Awal Imperatif.

Kelompok Jenis Pergerakan Nada Awal Imperatif	Jumlah Kekerapan	
Kelompok % LL % LL*	1	5.26%
<b>Jumlah: 1</b>	<b>1</b>	<b>5.26%</b>
Kelompok % LH % LH	2	10.53%
% LH * %	1	5.26%
<b>Jumlah: 2 3</b>	<b>15.79%</b>	
Kelompok % HL $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$	11	57.89%
% HL* $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$	3	15.79%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>14</b>	<b>73.68%</b>
Kelompok % HH % HH *	1	5.26%
<b>Jumlah: 1</b>	<b>1</b>	<b>5.26%</b>
<b>Jumlah Besar: 6</b>	<b>19</b>	<b>100.00%</b>

Didapati empat kelompok pergerakan nada awal imperatif, iaitu jika menurut susunan kekerapannya ialah % HL berjumlah 14 (73.68%) dengan diikuti oleh % LH, 3 (15.79%) dan % LL serta % HH yang masing-masing berjumlah 1 (5.26%). Kelompok yang paling kerap ialah % HL

yang terdiri daripada jenis pergerakan nada awal % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  yang berjumlah 11 (57.89%), diikuti oleh % HL\*  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  yang berjumlah tiga (15.79%), pergerakan nada % LH yang berjumlah dua (10.53%) dan % L

L\*, % LH \*% serta % HH \* yang masing-masing, 1 (5.26%).

Jenis pergerakan nada awal imperatif dapat dicontohkan seperti yang berikut:

- (a) % LL\* ... : Jangan lu ... (Imp 4 S2)
- (b) % LH ... : Kau ja ... (Imp 8 S1)
- (c) % LH \* % : Masuk. (Imp 9 S2)
- (d) % HL ... : Jangan Ziana ... (Imp 2 S1)
- (e) % HL \* ... : Jangan ... (Imp 5 S1)
- (f) % HH \* ... : Masuk ... (Imp 1 S1).

Analisis tentang pergerakan nada akhir memperlihatkan tiga jenis nada, iaitu L%, H% dan H\*%. Jumlah kekerapannya adalah seperti dalam Jadual 6:

**Jadual 6** Jumlah Kekerapan Kelompok Jenis Pergerakan Nada Akhir Imperatif.

Kelompok Jenis Pergerakan Nada Akhir Imperatif	Jumlah Kekerapan	
L % *	15	78.95%
H %	3	15.79%
H*% *	1	5.26%
<b>Jumlah: 3</b>	<b>19</b>	<b>100.00%</b>

\* juga nada akhir dalam pergerakan nada awal % LH\*% dan % HL %.

Ini menunjukkan jenis pergerakan nada akhir imperatif L% paling kerap, iaitu sebanyak 15 (78.95%), dan diikuti dengan H %, 3 (15.79%) dan H \* %, 1 (5.26%).

Jenis pergerakan nada akhir dapat dicontohkan seperti yang berikut:

- (a) ... L % : ... lah. (Impt 1 S1)
- (b) ... H % : ... lah. (Imp 1 S2)
- (c) ... H\*% : ... suk. (Imp 9 S2).

Jumlah keseluruhan padanan pergerakan nada awal dengan nada akhir kontur intonasi adalah seperti dalam Jadual 7:

**Jadual 7** Jumlah Kekerapan Kelompok Padanan Jenis Pergerakan Nada Awal dengan Akhir Imperatif.

Kelompok Jenis Pergerakan Nada Awal Imperatif	Jumlah Kekerapan		Jenis Pergerakan Nada Akhir Imperatif	Jumlah Kekerapan	
Kelompok % LL % LL*	1	5.26%	L %	1	5.26%
<b>Jumlah: 1</b>	<b>1</b>	<b>5.26%</b>	<b>Jumlah: 1</b>	<b>1</b>	<b>5.26%</b>
Kelompok % LH % LH	2	10.52%	L %	1	5.26%
			H %	1	5.26%
% LH *%	1	5.26%		1	5.26%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>3</b>	<b>15.78%</b>	<b>Jumlah: 3</b>	<b>3</b>	<b>15.78%</b>
Kelompok % HL % HL $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$ % HL* $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$	11	57.89%	L%	9	47.36%
			H %	2	10.53%
			L %	3	15.78%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>14</b>	<b>73.67%</b>	<b>Jumlah: 2</b>	<b>14</b>	<b>73.67%</b>
Kelompok % HH % HH *	1	5.26%	L %	1	5.26%
<b>Jumlah: 1</b>	<b>1</b>	<b>5.26%</b>	<b>Jumlah: 1</b>	<b>1</b>	<b>5.26%</b>
<b>Jumlah Besar: 6</b>	<b>19</b>	<b>100.00%</b>	<b>Jumlah: 3</b>	<b>19</b>	<b>100.00%</b>

Didapati empat kelompok padanan pergerakan nada awal dengan akhir imperatif, iaitu jika menurut susunan kekerapannya, masih ditentukan oleh jumlah pergerakan nada awal imperatif, iaitu yang tertinggi ialah kelompok % HL berjumlah 14 (73.67%). Daripada kelompok % HL kekerapan 14 itu, padanan % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  ... L % yang berjumlah sembilan (47.36%), % H

$L^* \left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\} \dots L \%$ , 3 (15.78%), dan  $\% HL \left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\} \dots H \%$ , 2 (10.53%). Ini diikuti oleh kelompok  $\% LH$  sebanyak tiga (15.78%) dengan padanan  $\% L H \dots L \%$ ,  $\% LH \dots H$  dan  $\% LH * \%$ , masing-masing berjumlah satu (5.26%). Kelompok yang terakhir,  $\% LL$  yang mempunyai pergerakan nada  $\% LL^* \dots L\%$  dan kelompok  $\% HH$  dengan pergerakan nada  $\% HH * L \%$ , masing-masing berjumlah satu (5.26%).

Jenis padanan pergerakan nada awal dengan akhir imperatif dapat dicontohkan seperti yang berikut:

- (a)  $\% LL^* \dots L\%$  : Jangan lupa telefon rumah tau.  
(Imp 4 S2)
- (b)  $\% LH \dots L\%$  : Kau jangan buat fitnah Jet.  
(Imp 8 S1)
- (c)  $\% LH \dots H\%$  : Hei, nyonya cakap baik-baik sikit.  
(Imp 3 S2)
- (d)  $\% LH * \%$  : Masuk. (Imp 9 S2)
- (e)  $\% HL \dots L\%$  : Cakaplah. (Imp 10 S2)
- (f)  $\% HL (\%) \dots H \%$  : Hei, kau jangan buat aku *hot* tau.  
(Imp 2 S2)
- (g)  $\% HL^* L\%$  : Jangan menghina Alice.  
(Imp 5 S1)
- (h)  $\% HH * L\%$  : Masuklah. (Imp 1 S1).

**Rumus 2** Bentuk Kontur Intonasi Imperatif menunjukkan pergerakan nada tengah yang terdiri daripada gabungan pilihan nada L, L\*, H dan H\* dan %. Antara gabungan pilihan tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a)  $\% \dots L \dots \%$  : ... fit .... (Imp 8 S1)
- (b)  $\% \dots HL^* \dots \%$  : ... aku tak mahu meny....  
(Imp 2 S1)
- (c)  $\% \dots H \dots \%$  : ... tang .... (Imp 9 S1)
- (d)  $\% \dots H * \dots \%$  : ... ti sen.... (Imp 6 S2).

Bagi kontur intonasi imperatif analisis memperlihatkan tiga kelompok prototaip, iaitu  $\% LH$ ,  $\% HL$  dan  $\% HH$ . Dan berasaskan prinsip pembentukan prototaip kontur ujaran, bentuk  $\% HL \%$  merupakan bentuk prototaip yang ideal bagi ayat imperatif. Kontur intonasi ini mempunyai pemisah berciri tetap dan pilihan. Daripada empat kelompok pergerakan nada awal yang ditemui, kelompok yang paling kerap ialah  $\% HL$ , 14

(73.67%) berbanding dengan kelompok % LL dan % HH yang masing-masing satu (5.26%). Dan dalam kelompok % HL, jenis % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  bukan sahaja lebih kerap berbanding dengan % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  malah lebih tinggi berbanding dengan jenis daripada kelompok lain. Sementara itu, jenis pergerakan nada akhir yang paling kerap ialah L % sebanyak 15 (78.95%) berbanding dengan H \* %, satu (5.26%). Manakala padanan pergerakan nada awal dengan akhir yang paling kerap ialah % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  ... L% yang berjumlah 9 (47.36%) berbanding dengan % LL\* ... L %, % LH ... L %, % LH ... H %, % LH \* % dan % HH \* L % yang masing-masing berjumlah satu (5.26%). Selain itu, terdapat enam jenis pergerakan nada awal dan tiga jenis pergerakan nada akhir bagi kontur intonasi imperatif. Akhirnya, dari segi pergerakan nada tengah didapati terdiri daripada gabungan pilihan empat nada, iaitu L, L\*, H, H\* dan %.

### Rumus Bentuk Kontur Intonasi Tanya Q

Dengan membuat klasifikasi pergerakan dua nada awal kontur, pergerakan nada tengah dan pergerakan nada akhir kontur, dapatan analisis adalah seperti yang berikut:

**Rumus 3** Bentuk Kontur Intonasi Tanya Q<sup>17</sup>.

$$\left( \begin{array}{l} \% L^* L \% \\ \% LL^* \\ \% LH \\ \% LH^* \\ \% HL \left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\} \\ \% HL^* \left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\} \\ \% HH^* \end{array} \right) \left( \begin{array}{l} ([L] [LHL^*][LH^*LH] \\ [H^*][HLH] \\ [H^*L][\%LH^*\%LHLH\%HLH^*\%LH\%]) \end{array} \right) \left( \begin{array}{l} L \% + \\ L^* \% + \\ H \% \end{array} \right)$$


\* juga nada akhir dalam pergerakan nada awal % L\* L %, % H L % dan % H L\* %.

17 Yang telah disederhanakan daripada lampiran tanya mengambil kira urutan kedudukan antara kurung-kurung busur. Lihat Lampiran I Pergerakan Nada Jenis Ayat dengan Makna Emosi.

Bentuk prototaip dalam kontur intonasi tanya Q<sup>18</sup> adalah seperti dalam contoh:

- (a) % L\* L % : Hello? (Q 4 S1)
- (b) % LL\* H % : Hello? (Q 2 S2)
- (c) % LH \* L % : Hello? (Q 5 S1)
- (d) % HL % : Hai? (Q 9 S2)
- (e) % HL\* % : Hello? (Q 1 S1)
- (f) % HH \* L % : Hello? (Q 6 S1)

Jika dikelompokkan terdapat empat kelompok prototaip bagi kontur intonasi tanya Q, iaitu;



Manakala bentuk bukan prototaip dalam intonasi tanya Q adalah seperti dalam contoh:

- (a) % LL\* LH % : Malam ni? (Q 2 S1)
- (b) % LH \* LH % : Hari jadi? (Q 3 S1)
- (c) % LHH \* LH % : Malam minggu ni? (Q 5 S2)
- (d) % HLH \* L % : Hello? (Q 4 S2)
- (e) % HL\* HL HH % : Takut segala kecurangan kau terbongkar? (Q 7 S2).

Dalam data yang dikaji bagi kontur intonasi tanya Q, pemisah berciri tetap ialah % L\* L % (Q 4 S1), % HL % (Q 9 S2) dan % HL\* % (Q 1 S1) yang boleh berdiri sebagai satu frasa intonasi yang lengkap. Sementara itu, pemisah berciri pilihan ialah % HL (%) % LH \* % % LH LH % % HLH \* % % LH % (Q1 S2).

Daripada Rumus 3 sebelum ini, kekerapan pergerakan nada awal kelompok ditunjukkan dalam Jadual 8 yang berikut:

18 Lihat Lampiran I Pergerakan Nada Jenis Ayat dengan Makna Emosi.



**Jadual 8** Jumlah Kekerapan Kelompok Jenis Pergerakan Nada Awal Tanya Q.

Kelompok Jenis Pergerakan Nada Awal Tanya (Q)	Jumlah Kekerapan	
Kelompok % LL % LL*	3	18.75%
% L* L %	1	6.25%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>4</b>	<b>25.00%</b>
Kelompok % LH % LH	3	18.75%
% LH *	3	18.75%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>6</b>	<b>37.50%</b>
Kelompok % HL % HL $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \sigma \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$	3	18.75%
% HL* $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$	2	12.50%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>5</b>	<b>31.25%</b>
Kelompok % HH % HH *	1	6.25%
<b>Jumlah: 1</b>	<b>1</b>	<b>6.25%</b>
<b>Jumlah: 7</b>	<b>16</b>	<b>100.00%</b>

Didapati empat kelompok pergerakan nada awal tanya Q, iaitu jika menurut susunan kekerapannya ialah % LH berjumlah enam (37.50%), diikuti oleh % HL, 5 (31.25%), % LL, 4 (25.00%) dan % HH, 1 (6.25%). Kelompok yang paling kerap terdiri daripada jenis pergerakan nada awal % LH dan % LH \* yang masing-masing berjumlah tiga (18.75%), dengan diikuti oleh % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \sigma \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  berjumlah tiga (18.75%), % HL \*  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$ , dua

(12.50%). Kelompok yang seterusnya ialah % LL yang terdiri daripada % LL\*, tiga (18.75%) dan % L \* L %, 1 (6.25%). Kelompok yang paling kurang berulang ialah % HH, iaitu % HH \* yang berjumlah satu (6.25%).

Jenis pergerakan nada awal tanya Q dapat dicontohkan seperti yang berikut:

- (a) % L\* L % : Hello? (Q 4 S1)
- (b) % LL\* ... : Malam ...? (Q 2 S1)
- (c) % LH ... : Malam ming ...? (Q5 S2)
- (d) % LH \* ... : Hel ...? (Q5 S1)
- (e) % HL % : Hai? (Q 9 S2)
- (f) % HL ... : Hmm ...? (Q 1 S2)
- (g) % HL \* % : Hello? (Q 1 S1)
- (h) % HL\* ... : Takut ...? (Q 7 S2)
- (i) % HH \* ... : Hell ...? (Q 6 S1).

Analisis tentang pergerakan nada akhir memperlihatkan tiga jenis nada, iaitu L %, L\* % dan H % dan jumlah kekerapannya adalah seperti dalam Jadual 9:

**Jadual 9** Jumlah Kekerapan Jenis Pergerakan Nada Akhir Tanya Q.

Jenis Pergerakan Nada Akhir Q	Jumlah Kekerapan	
L % *	9	56.25%
L* % *	1	6.25%
H %	6	37.50%
<b>Jumlah Besar: 3</b>	<b>16</b>	<b>100.00%</b>

\* juga nada akhir dalam pergerakan nada awal % L\*L%, % H L % dan % H L\* %.

Ini menunjukkan jenis pergerakan nada akhir L % paling kerap, iaitu sebanyak sembilan (56.25%), dengan diikuti oleh H %, 6 (37.50%) dan L\* % yang berjumlah satu (6.25%).

Jenis pergerakan nada akhir dapat dicontohkan seperti yang berikut:

- (a) ... L % : ... ok? (Q 3 S2)
- (b) ... L\*% : ... lo? (Q 1 S1)
- (c) ... H % : ... ni? (Q 1 S2)

Jumlah keseluruhan padanan pergerakan nada awal dengan nada akhir kontur intonasi adalah seperti dalam Jadual 10 yang berikut:

**Jadual 10** Jumlah Kekekapan Kelompok Padanan Jenis Pergerakan Nada Awal dengan Akhir Tanya Q.

Kelompok Jenis Pergerakan Nada Awal Tanya Q	Jumlah Kekekapan		Jenis Pergerakan Nada Akhir Tanya Q	Jumlah Kekekapan	
Kelompok % LL % LL *  % L * L %	3	18.75%	L %	1	6.25%
	1	6.25%	H %	2	12.50%
				1	6.25%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>4</b>	<b>25.00%</b>	<b>Jumlah: 2</b>	<b>4</b>	<b>25.00%</b>
Kelompok % LH  % LH  % LH *	3	18.75%	L %	2	12.50%
			H %	1	6.25%
	3	18.75%	L %	2	12.50%
			H %	1	6.25%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>6</b>	<b>37.50%</b>	<b>Jumlah: 2</b>	<b>6</b>	<b>37.50%</b>
Kelompok % HL  % HL $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  % HL * $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$	3	18.75%	L %	2	12.50%
			H %	1	6.25%
	2	12.50%		1	6.25%
			H %	1	12.50%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>5</b>	<b>31.25%</b>	<b>Jumlah: 3</b>	<b>5</b>	<b>31.25%</b>
Kelompok % HH % HH *	1	6.25%	L %	1	6.25%
<b>Jumlah: 1</b>	<b>1</b>	<b>6.25%</b>	<b>Jumlah: 1</b>	<b>1</b>	<b>6.25%</b>
<b>Jumlah Besar: 7</b>	<b>16</b>	<b>100.00%</b>	<b>Jumlah: 3</b>	<b>16</b>	<b>100.00%</b>

Didapati empat kelompok padanan pergerakan nada awal dengan akhir tanya Q, iaitu jika menurut susunan kekerapannya, masih ditentukan oleh jumlah pergerakan nada awal tanya Q, iaitu yang tertinggi kelompok % LH yang berjumlah enam (37.50%). Daripada kelompok % LH kekerapan enam itu padanan % LH ... L % dan % LH \* L %, masing-masing berjumlah dua (12.50%) dan seterusnya diikuti oleh % LH ... H % dan % LH \* ... H % yang masing-masing, 1 (6.25%). Ini diikuti oleh kelompok % HL yang berjumlah lima (31.25%), dengan padanan pergerakan nada awal dengan akhir % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  ... L %, dua (12.50%), % HL (%) ... H %, 1 (6.25%), % HL\* %, 1 (6.25%) dan % HL\* ... H %, 1 (6.25%). Kelompok seterusnya, % LL yang berjumlah empat (25.00%) dengan padanan pergerakannya % LL\* ... H % yang berjumlah dua (12.50%), % LL \* ... L %, 1 (6.25%) dan % L \* L %, berjumlah satu (6.25%). Kelompok yang kurang kerap ialah % HH, iaitu % HH \* L % yang berjumlah satu (6.25%).

Jenis padanan pergerakan nada awal dengan akhir tanya Q dapat dicontohkan seperti yang berikut:

- (a) % LL\* ... L % : Aku tumpang kereta Alice ok?  
(Q 3 S2)
- (b) % LL\* ... H % : Malam ni? (Q 2 S2)
- (c) % L\* L % : Hello? (Q 4 S1)
- (d) % LH ... L % : Kautakut tembelang kaupecah?  
(Q 6 S2)
- (e) % LH ... H % : Malam minggu ni? (Q 5 S2)
- (f) % LH \* L % : Hello? (Q 5 S1)
- (g) % LH \* ... H % : Hari jadi? (Q 3 S1)
- (h) % HL ... L % : Hello? (Q 4 S2)
- (i) % HL ... H % : Hmm ... kau tu *boyfriend study* US aku  
tengok kau tak rindu pun pelik jugak?  
(Q 1 S1)
- (j) % HL % : Hai? (Q 9 S2)
- (k) % HL\* % : Hello? (Q 1 S1)
- (l) % HL\* ... H % : Takut segala kecurangan kau akan ter-  
bongkar? (Q 7 S2)

(m) % HH \* L % : Hello? (Q 6 S1).

**Rumus 3** Bentuk Kontur Intonasi Tanya Q menunjukkan pergerakan nada tengah terdiri daripada gabungan pilihan nada L, L\*, H, H\* dan %. Antara gabungan pilihan tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a) % ... L ... % : ... tembelang.... (Q 6 S2)  
 (b) % ... H ... % : ... sega.... (Q 7 S2)  
 (c) % ... H \* ... % : ... minggu.... (Q 5 S2)  
 (d) % ... HLH ... % : ... segala kecurangan kau terbongkar? (Q 7 S2).

Bagi kontur intonasi tanya Q, analisis memperlihatkan empat kelompok prototaip, iaitu % LL, % LH, % HL dan % HH. Dan berasaskan prinsip pembentukan prototaip kontur ujaran, bentuk % HL % merupakan bentuk prototaip yang ideal bagi ayat tanya Q. Kontur intonasi ini mempunyai kedua-dua jenis pemisah. Daripada empat kelompok pergerakan nada awal yang ditemui, kelompok yang paling kerap ialah % LH, berjumlah enam (37.50%) berbanding dengan kelompok % HH, 1 (6.25%). Dan kelompok % LH dan subordinatnya % LH\* menunjukkan jumlah yang sama, iaitu masing-masing, tiga (18.75%), jumlah yang paling kerap berbanding dengan jenis daripada kelompok lain. Sementara itu, jenis pergerakan nada akhir yang paling kerap ialah L % sebanyak sembilan (56.25%) berbanding dengan L\*, 1 (6.25%). Manakala padanan pergerakan nada awal dengan akhir yang paling kerap ialah % LH ... L %, % LH \* L %, % LL \* ... H % dan

% HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  ... L % yang masing-masing berjumlah dua (12.50%) berbanding dengan % LH ... H %, % LH \* ... H %, % LL \* ... L %, % L \* L %, % HL (%) ... H %, % HL \* %, % HL \* ... H % dan % HH \* L % yang masing-masing berjumlah satu (6.25%). Selain itu, terdapat tujuh jenis pergerakan nada awal dan tiga jenis pergerakan nada akhir bagi kontur intonasi tanya Q. Akhirnya, dari segi pergerakan nada tengah didapati gabungan pilihan nada terdiri daripada empat nada, iaitu L, L\*, H, H\* dan %.

### Rumus Bentuk Kontur Intonasi Tanya Qwh

Dengan membuat klasifikasi pergerakan dua nada awal kontur, pergerakan nada tengah dan pergerakan nada akhir kontur, dapatan analisis adalah seperti yang berikut:

**Rumus 4** Bentuk Kontur Intonasi Tanya Qwh<sup>19</sup>.


$$\begin{array}{l}
 \left. \begin{array}{l} \% LH \left\{ \begin{array}{l} (\%) \\ \emptyset \end{array} \right\} \\ \% LH * \\ \% HL \left\{ \begin{array}{l} (\%) \\ \emptyset \end{array} \right\} \\ \% HL * \end{array} \right\} \begin{array}{l} ([L][L^*][LH][L^*H][LH^*][L^*H] \\ [LHL^*][LL^*H][H][H^*][\%LHL\%\%LH^*] \\ [HL^*H][H^*H] \end{array} \left. \begin{array}{l} L \% \\ H \% * \end{array} \right\}
 \end{array}$$

\* juga nada akhir dalam pergerakan nada awal % LH %.

Bentuk prototaip dalam kontur intonasi tanya Qwh adalah seperti dalam contoh:

- (a) % LH % : Apa? (Qwh 3 S2)
- (b) % LH \* L % : Kenapa? (Qwh 2 S1)
- (c) % HL \* L % : Buat apa susah-susah? (Qwh 7 S1).

Jika dikelompokkan, terdapat dua kelompok prototaip bagi kontur intonasi tanya Qwh, iaitu;



Manakala bentuk bukan prototaip dalam kontur intonasi tanya Qwh<sup>20</sup> adalah seperti dalam contoh:

- (a) % LH LHL \* L : Buat apa 'nko' susah-susah bagi aku hadiah ni? (Qwh 6 S1)

19 Yang telah disederhanakan daripada lampiran tanpa mengambil kira urutan kedudukan antara kurung-kurung busur. Lihat Lampiran I Pergerakan Nada Jenis Ayat dengan Makna Emosi.

20 Lihat Lampiran I Pergerakan Nada Jenis Ayat dengan Makna Emosi.

- (b) % LH \* LL % : Kaurasa macam mana Jet?  
(Qwh 8 S1)
- (c) % HL (%) % LH % % LH \* L % : Oh! Ziana apa hal?  
(Qwh 1 S1)
- (d) % HL \* HL % : Kau tak kerja ke malam ni Ziana?  
(Qwh 3 S1).

Dalam data yang dikaji bagi kontur intonasi tanya Qwh, pemisah berciri tetap ialah % LH % (Qwh 3 S2), sementara itu, pemisah berciri pilihan ialah % HL (%) % LHL % % LH\* L % (Qwh 1 S1).

Daripada Rumus 4 sebelum ini, kekerapan pergerakan nada awal kelompok ditunjukkan dalam Jadual 11 yang berikut:

Jadual 11 Jumlah Kekerapan Kelompok Jenis Pergerakan Nada Awal Tanya Qwh.

Kelompok Jenis Pergerakan Nada Awal Tanya Qwh	Jumlah Kekerapan	
Kelompok % LH % LH $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$ % LH *	7	36.84%
	5	26.32%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>12</b>	<b>63.16%</b>
Kelompok % HL % HL $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$ % HL*	5	26.32%
	2	10.52%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>7</b>	<b>36.84%</b>
<b>Jumlah Besar: 4</b>	<b>19</b>	<b>100.00%</b>

Didapati dua kelompok pergerakan nada awal tanya Qwh, iaitu jika menurut susunan kekerapannya ialah % LH berjumlah dua belas (63.16%), diikuti oleh % HL, 7 (36.84%). Kelompok yang paling kerap terdiri daripada jenis pergerakan nada awal % LH  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  yang berjumlah tujuh (36.84%),

dengan diikuti oleh % LH \*, 5 (26.32%). Ini diikuti oleh kelompok % HL yang terdiri daripada % HL  $\left\{ \begin{matrix} \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  berjumlah lima (26.32%) dan % HL \*, 2 (10.52%).

Jenis pergerakan nada awal tanya Qwh dapat dicontohkan seperti yang berikut:

- (a) % LH % : Apa? (Qwh 3 S2)
- (b) % LH : Buat ... (Qwh 6 S1)
- (c) % LH \* : Kena ... (Qwh 2 S1)
- (d) % HL : Apa h ... (Qwh 4 S1)
- (e) % HL \* : Kau tak kerja ... (Qwh 3 S1).

Analisis tentang pergerakan nada akhir memperlihatkan dua jenis nada, iaitu L % dan H % dan jumlah kekerapannya adalah seperti dalam Jadual 12:

**Jadual 12** Jumlah Kekerapan Jenis Pergerakan Nada Akhir Tanya Qwh.

Jenis Pergerakan Nada Akhir Qwh	Jumlah Kekerapan	
L %	16	84.21%
H % *	3	15.79%
<b>Jumlah Besar: 2</b>	<b>19</b>	<b>100.00%</b>

\* merupakan nada akhir % LH %.

Ini menunjukkan jenis pergerakan nada akhir tanya Qwh, L % lebih kerap, iaitu sebanyak 16 (84.21%) dan diikuti oleh H %, 3 (15.79%).

Jenis pergerakan nada akhir dapat dicontohkan seperti yang berikut:

- (a) ... L % : ... pa?(Qwh 2 S1)
- (b) ... H % : ... pa?(Qwh 3 S2).

Jumlah keseluruhan padanan pergerakan nada awal dengan akhir kontur intonasi adalah seperti dalam Jadual 13 yang berikut:



**Jadual 13** Jumlah Kecepatan Kelompok Padanan Jenis Pergerakan Nada Awal dengan Akhir Tanya Qwh.

Kelompok Jenis Pergerakan Nada Awal Tanya Qwh	Jumlah Kecepatan		Jenis Pergerakan Nada Akhir Tanya Qwh	Jumlah Kecepatan	
Kelompok % LH % LH $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$ % LH *	7	36.84%	L %	5	26.32%
			H %	2	10.52%
	5	26.32%	L %	5	26.32%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>12</b>	<b>63.16%</b>	<b>Jumlah: 2</b>	<b>12</b>	<b>63.16%</b>
Kelompok % HL % HL $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$ % HL *	5	26.32%	L %	5	26.32%
			L %	2	10.52%
	2	10.52%	L %	2	10.52%
<b>Jumlah: 2</b>	<b>7</b>	<b>36.84%</b>	<b>Jumlah: 1</b>	<b>7</b>	<b>36.84%</b>
<b>Jumlah Besar: 4</b>	<b>19</b>	<b>100.00%</b>	<b>Jumlah: 2</b>	<b>19</b>	<b>100.00%</b>

Didapati dua kelompok padanan pergerakan nada awal dengan akhir tanya Qwh, iaitu jika menurut susunan kekerapannya, masih ditentukan oleh jumlah pergerakan nada awal tanya Qwh, iaitu yang tertinggi kelompok % LH yang berjumlah 12 (63.16%). Daripada kelompok % LH kekerapan 12 itu, padanan % LH ... L % dan % LH \* ... L %, masing-masing berjumlah lima (26.32%) dan seterusnya diikuti oleh % LH  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  ... H % yang berjumlah dua (10.52%). Ini diikuti oleh kelompok % HL yang berjumlah tujuh (36.84%), iaitu % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  ... L % yang berjumlah lima (26.32%) dan % HL\* ... L %, 2 (10.52%).

Jenis padanan pergerakan nada awal dengan akhir tanya Qwh dapat dicontohkan seperti yang berikut:

- (a) % LH % : Apa? (Qwh 3 S2)

- (b) % LH ... L % : Buat apa 'ko' susah-susah bagi aku hadiah ni? (Qwh 6 S1)
- (c) % LH ... H % : Awie ke tu? (Qwh 1 S2)
- (d) % LH \*... L % : Kaurasa macam mana Jet? (Qwh 8 S1)
- (e) % HL ... L % : Apa hal kaudatang ni? (Qwh 4 S1)
- (f) % HL \*... L % : Buat apa susah-susah? (Qwh 7 S1).

Rumus 4 Bentuk Kontur Intonasi Tanya Qwh menunjukkan pergerakan nada tengah terdiri daripada gabungan pilihan nada L, L\*, H, H\* dan %. Antara gabungan pilihan nada tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a) % ... L ... % : ... cam ana ...? (Qwh 8 S1)
- (b) % ... H \* H ... % : ... pa Ali ...? (Qwh 9 S2)
- (c) % ... HLL\* ... % : ... ku akan menjadi ke ...? (Qwh 10 S1).

Bagi kontur intonasi tanya Qwh analisis memperlihatkan terdapat dua kelompok prototaip, iaitu % LH dan % HL. Dan berasaskan prinsip pembentukan prototaip kontur ujaran, bentuk % LH % merupakan bentuk prototaip yang ideal bagi ayat tanya Qwh. Kontur intonasi ini mempunyai pemisah berciri tetap dan pilihan. Daripada dua kelompok pergerakan nada awal yang ditemui, kelompok yang paling kerap ialah % LH, yang berjumlah 12 (63.16%) berbanding dengan kelompok % HL, 7 (36.84%). Dan kelompok % LH dan subordinatnya % LH\* menunjukkan jumlah yang lebih kerap berbanding dengan jenis daripada kelompok lain. Bagaimanapun, subordinat % LH\* mempunyai jumlah yang sama dengan % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  5 (26.32%). Sementara itu, jenis pergerakan nada akhir yang lebih kerap ialah L % sebanyak 16 (84.21%) berbanding dengan H %, 3 (15.79%). Manakala padanan pergerakan nada awal dengan akhir yang paling kerap ialah % LH ... L %, % LH\* ... L %, % LH\* ... L %, dan % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  ... L % yang masing-masing lima (26.32%) berbanding dengan % LH  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  ... H % dan % HL\*... L % yang masing-masing berjumlah dua (10.52%). Selain itu, terdapat empat jenis pergerakan nada awal dan dua jenis pergerakan nada akhir bagi kontur intonasi tanya Qwh. Akhirnya, dari segi pergerakan nada tengah didapati gabungan pilihan nada terdiri daripada empat nada, iaitu L, L\*, H, H\* dan %.

Keempat-empat jenis ayat mempunyai sekurang-kurangnya dua kelompok pergerakan nada awal. Maksimum kelompok yang ditemui sebanyak empat. Ini menunjukkan terdapat kepelbagaian kontur intonasi untuk sesuatu jenis ayat. Sebaliknya, wujud hubungan yang tertentu apabila dikaitkan dengan pergerakan nada awal dan akhir dengan jenis ayat. Manakala pergerakan nada tengah sebagai gabungan pilihan nada tidak menunjukkan hubungan tersebut. Dalam pada itu, dapat ditunjukkan sesuatu bentuk rumus kontur yang menggambarkan pelbagai jenis ayat. Penemuan ini selari dengan Mozzoconacci, S. (1998) dan Amran Halim (1969) dan Hashim Musa (1971).

### Tafsiran

Dengan merujuk kepada bahagian analisis sebelum ini dalam Jadual 3, faktor jantina tidak menunjukkan perbezaan yang ketara disebabkan pemilihan jumlah data ujaran berdasarkan jantina telah dirancang. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang kecil akibat faktor kualiti lafaz yang terlalu cepat dan kurang jelas untuk pendeskripsian kontur dan pelabelan grid teks dan bilangan terhad ayat bukan deklaratif.

Daripada tiga kelompok jenis pergerakan nada awal deklaratif, kelompok %HL didapati paling kerap daripada dua kelompok yang lain akibat faktor wujudnya bentuk prototaip yang minimum pelabelannya berbanding dengan kelompok %LH yang mempunyai bentuk prototaip yang bukan minimum. Kelompok ini juga satu-satunya yang mempunyai pemisah berciri tetap dan pilihan. Alasan wujudnya pemisah berciri tetap disebabkan ujaran minimum. Kelompok %LL langsung tiada bentuk prototaipnya. Pergerakan nada akhir L% jauh lebih kerap disebabkan ciri jenis ayat deklaratif itu sendiri. Alasan yang sama juga dapat dikaitkan dengan fenomena kekerapan padanan pergerakan nada awal dengan akhir yang menunjukkan kelompok %HL yang paling kerap.

Seperti mana dalam jenis ayat deklaratif, dalam jenis ayat imperatif baik kelompok pergerakan nada awal %HL, jenis pergerakan nada akhir mahupun padanannya yang tertinggi kehadirannya mempunyai alasan yang sama. Alasan yang dapat dikemukakan ialah bahawa ujaran yang terlibat ialah jenis minimum seperti alasan sebelum ini. Sementara itu, bagi jenis ayat tanya Q dan Qwh mempunyai kelompok pergerakan nada awal yang berbeza dengan kedua-dua jenis ayat di atas, iaitu %LH yang tertinggi. Demikian juga dengan padanannya. Ini dapat dikaitkan dengan faktor ciri ayat tanya Q dan Qwh yang biasanya memerlukan pergerakan nada awalnya %LH. Keadaan pergerakan nada akhir L% yang lebih tinggi bagi kedua-

dua jenis ayat ini dapat dikaitkan dengan alasan dua jenis ayat yang sebelumnya. Kedua-dua jenis ayat ini hanya mempunyai pemisah berciri tetap dan pemisah tersebut wujud pada kelompok % LL dan % HL untuk jenis ayat Q dan % LH untuk jenis ayat Qwh. Alasan wujudnya ciri pemisah tetap untuk kedua-dua jenis ayat tersebut tetap sama dengan yang sebelumnya, iaitu wujudnya ujaran yang minimum.

Secara keseluruhan pergerakan nada awal %HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  merupakan bilangan paling kerap berbanding dengan pergerakan nada yang lain, khususnya %HH. Antara alasan yang dapat dikemukakan dari segi ketidakeksklusifan pergerakan nada tersebut. Pergerakan nada ini tidak bersifat eksklusif kerana wujud dalam keseluruhan jenis ayat, iaitu deklaratif, imperatif, tanya Q dan Qwh. Manakala %HH\* lebih bersifat eksklusif kerana wujud dalam dua jenis ayat sahaja, iaitu imperatif dan tanya Q. Pergerakan nada ini tidak terdapat dalam jenis ayat deklaratif yang merupakan jenis yang dominan.

Pergerakan nada awal % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  merupakan prototaip yang boleh berstatus lengkap dan boleh mengambil nada akhir berbanding dengan prototaip HH \* yang hanya mengambil nada akhir. Dan sebagai prototaip, yang demikian % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  boleh menjadi asas pembinaan kontur lain dengan mengambil nada tengah berbanding dengan pergerakan nada awal %HH\*.

Sebagai bentuk yang lengkap, pergerakan nada awal %HL% memiliki pemisah berciri tetap dan mampu berdiri sendiri sebagai frasa intonasi tanpa mengambil mana-mana satu pergerakan nada tengah dan akhir dalam rumus bentuk kontur berbanding dengan pergerakan nada awal % HH\*. Contoh ini jelas terlihat dalam Q9 S2, "Hai?". Selain pemisah berciri tetap, pergerakan nada ini juga mempunyai pemisah berciri pilihan berbanding pergerakan nada awal %HH\* yang sama sekali tidak memiliki pemisah berciri tetap atau pun pilihan.

Sehubungan dengan itu, faktor yang lain menyumbang kepada kekerapan yang tinggi bagi pergerakan nada awal % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \% \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  ini ialah kewujudan tautan melalui tautan penghubung ayat<sup>21</sup> yang paling tinggi, lapan (53.13%) berbanding dengan yang lain, khususnya pergerakan nada awal %HH yang langsung tiada tautan penghubung ayat dalam binaan ayat data analisis.

21 Lihat Sanat Md. Nasir, Tautan dalam *Wacana Bahasa Melayu Akhbar*, hlm. 128-137.

Lihat Lampiran I Jumlah Kekerapan Pergerakan Nada Awal dengan Tautan Penghubung Ayat. Seperti mana hujah untuk pergerakan nada awal % HL, demikian juga dapat dipakai untuk alasan kelompok % HL yang tertinggi. Secara keseluruhannya jumlah tautan penghubung ayat yang terdapat dalam binaan kelompok pergerakan nada awal % HL ialah 11 (73.33%) daripada 15 data (100.00%), manakala % LH  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  pula berjumlah empat (26.67%). Sebaliknya, tautan penghubung ayat tidak terdapat dalam pergerakan nada awal yang lain, khususnya dalam kelompok % HH. Dapatan yang memperlihatkan pergerakan nada awal % HL  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  dan % HL\*  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  dalam jenis ayat deklaratif dan imperatif mempunyai tautan penghubung ayat yang lebih dominan kerana terkandung di dalamnya domain + / - emosi penegasan berbanding dengan pergerakan nada awal % LH  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  yang hanya wujud dalam ayat deklaratif dan dalam domain + emosi penegasan.

Lampiran I Jumlah Kekerapan Pergerakan Nada Awal dengan Tautan Penghubung Ayat menunjukkan kelompok pergerakan nada awal % HL memperlihatkan penghubung ayat yang sama dengan % LH dari segi penjenisannya, iaitu **tambahan**, **tentangan** dan **waktu**. Hal ini bertentangan dengan pandangan Halliday & Hassan (1976:271-3) dalam *Cohesion in English* yang menyatakan LH nada empat yang bermaksud **tentangan**. Sebaliknya pula, pergerakan nada HL mempunyai maksud **tentangan** dan malahan lebih banyak frekuensi kehadirannya dalam data korpus.

Di samping itu, faktor fokus yang menandakan taraf maklumat sama ada lama atau baru boleh dihubungkan dengan kekerapan kelompok pergerakan nada awal % HL. Pergerakan nada % HL\*  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  iaitu berjumlah 14 (13.08%) lebih tinggi berbanding pergerakan nada awal % HH\* yang berjumlah dua (1.86%) tetapi apabila merujuk kepada pergerakan nada awal % LH\*  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$  yang berjumlah 16 (14.95%), pergerakan nada ini memperlihatkan kekerapan yang lebih tinggi berbanding dengan pergerakan nada awal % HL\*  $\left\{ \begin{matrix} (\%) \\ \emptyset \end{matrix} \right\}$ . Taraf sesuatu maklumat sebagai fokus ditandai dengan \* dalam pergerakan nada.

Tanda \* melambangkan bahawa sesuatu nada yang berkenaan telah dilafazkan dengan kelantangan bunyi yang boleh sahaja bernada L ataupun

H. Menurut Gunter (1966), ketidakhadiran aksen bermaksud bahawa maklumat tersebut adalah maklumat lama dan sebaliknya kehadiran aksen tidak semestinya bermaksud maklumat tersebut adalah maklumat baru.

Sebaliknya, Halliday (dalam Brown & Yule, 1983:164) mengatakan kelantangan bunyi menandakan maklumat baru. Seperti yang ditunjukkan, berlaku fenomena sesuatu jenis ayat mempunyai banyak realisasi rumus bentuk kontur intonasi. Demikian juga sebaliknya, iaitu sesuatu bentuk rumus kontur intonasi dapat mengungkapkan pelbagai jenis ayat. Hal ini dapat dikaitkan dengan konteks termasuklah faktor emosi. Ini selaras dengan **Model Intonasi Pindaan** yang menegaskan peranan konteks. Di samping itu, wujudnya kecenderungan hubungan antara pergerakan nada awal dan akhir dengan sesuatu jenis ayat dapat dirujuk kepada ciri jenis ayat tersebut.

## KESIMPULAN

Daripada 107 data, tiada perbezaan ketara dari segi jantina bagi empat jenis ayat. Namun, perbezaan yang timbul disebabkan beberapa kekangan. Bagi jenis ayat deklaratif, tiga kelompok pergerakan nada awal telah dikenal pasti dan kelompok % HL merupakan pergerakan nada yang tertinggi keke- rapannya. Daripada kelompok itulah wujudnya bentuk prototaip yang ideal, iaitu % HL%. Sementara itu, pergerakan nada akhir, L% lebih tinggi. Dari segi kelompok padanannya, kelompok % HL juga paling tinggi. Kelompok pergerakan nada awal imperatif terdiri daripada empat kelompok dan seperti mana deklaratif, padanannya dengan nada akhir L% paling tinggi.

Ayat jenis Q didapati mempunyai bilangan yang sama dari segi kelompok pergerakan nada awal dengan jenis ayat imperatif. Pergerakan nada akhir L% masih tetap paling tinggi dari segi padanannya. Bentuk prototaip yang ideal bagi jenis ayat ini ialah % HL%. Jika dibandingkan dengan jenis-jenis ayat lain, jenis ayat Qwh hanya mempunyai dua kelompok pergerakan nada awal. Dan padanannya masih memperlihatkan pergerakan nada akhir L% lebih tinggi. Bentuk prototaip yang ideal untuk jenis ayat ini ialah % LH%.

Jelas daripada keempat-empat jenis ayat tersebut terdapat kepelbagaian yang ditunjukkan dengan wujudnya beberapa kelompok pergerakan nada awal untuk sesuatu jenis ayat. Walau bagaimanapun, terdapat kecenderungan hubungan pergerakan nada awal dan akhir yang tertentu dengan sesuatu jenis ayat. Ternyata di sini juga pergerakan nada tengah sebagai gabungan nada pilihan tidak menggambarkan kecenderungan untuk sesuatu jenis ayat. Fenomena di atas dapat ditafsirkan seperti yang berikut. Tidak ada perbezaan ketara dari segi jantina oleh sebab telah dirancang pembahagiannya. Per-

bezaan kecil wujud akibat faktor kualiti lafaz dan bilangan yang terhad. Jenis ayat deklaratif mempunyai pergerakan nada awal % HL yang tertinggi baik dari segi keseluruhan kelompok mahupun kelompoknya akibat wujudnya prototaip yang minimum.

Kewujudan pemisah berciri tetap dalam kelompok itu disebabkan ujaran minimum. Ciri ayat jenis deklaratif yang dikemukakan sebagai alasan pergerakan nada akhir L% jauh lebih tinggi dan sekali gus termasuk sama dengan yang lain untuk menjelaskan fenomena kekerapan padanan kelompok tersebut. Ciri ayat jenis deklaratif menjadi alasan kekerapan pergerakan nada akhir L% untuk tiga jenis ayat yang lain. Seperti mana alasan untuk ayat jenis deklaratif, demikian juga untuk ayat imperatif yang mempunyai kelompok pergerakan nada awal % HL dan padanannya yang tertinggi. Alasan ujaran minimum juga dikaitkan dengan kewujudan pemisah berciri tetap pada kelompok % HL jenis ayat imperatif. Fenomena tertinggi kelompok pergerakan nada awal % LH bagi ayat jenis Q dan Qwh dapat dikaitkan dengan ciri ayat tersebut.

Kewujudan pemisah berciri tetap bagi kedua-dua jenis ayat ini sama alasannya seperti yang di atas, iaitu wujudnya ujaran minimum. Pergerakan nada awal % HL yang demikian tinggi berbanding dengan yang lain ditafsirkan sebagai mempunyai sifat ketidakeksklusifan kehadirannya, sebagai prototaip, mempunyai kedua-dua ciri pemisah dan faktor ciri tautan penghubung ayat. Faktor yang sama terpakai untuk kelompok % HL di samping faktor fokus yang menandakan taraf maklumat sama ada maklumat lama atau baru melalui pergerakan nada awal % HL\*. Faktor konteks termasuklah emosi merupakan alasan untuk menjelaskan kerencaman realisasi rumus bentuk kontur intonasi sesuatu jenis ayat dan sebaliknya. Alasan ciri jenis ayat diberikan untuk menjelaskan kecenderungan hubungan antara hubungan pergerakan nada awal dan akhir dengan sesuatu jenis ayat.

## RUJUKAN

- Asraf, 1988. *Intonasi dalam Hubungan dengan Sintaksis Bahasa Melayu*. (Siri Khazanah Bahasa, Bil. 8). Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Brown & Yule, 1983. *Discourse Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Couper-Kuhlen, Elizabeth, 1986. *An Introduction to English Prosody*. Baltimore, Maryland: Edward Arnold.
- Ebing, E. F., 1997. *Form And Function Of Pitch Movements In Indonesian*. Leiden: Leiden University. (CNWS Publications; Vol. 55).

- Fox, A., 2000. *Prosodic Features and Prosodic Structure: The Phonology of Suprasegmentals*. London: Oxford University Press.
- Geodemans, R., dan Zanten, E., 2001. "Stress and Accent in Indonesia". (akan diterbitkan).
- Halim, Amran, 1984. *Intonasi dalam Hubungannya dengan Sintaksis Bahasa Indonesia*. Jakarta: Djambatan.
- Halliday, M.A.K., dan R. Hasan, 1976. *Cohesion in English*. London: Longman.
- Hashim Musa, 1971. "Penghantar Chiri-chiri Prosodi Sendi dan Intonasi serta Pengwujudan Chiri-chiri Itu di dalam Dialek Kelantan di Pasir Mas". Latihan Ilmiah: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. <http://www.praat.org>.
- Indirawati @ Indrawati Zahid, 2003. "Kajian Intonasi Fonetik Eksperimental: Realisasi Makna Emosi Filem *Sembilu 1* dan *2*". Tesis Ph.D., Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mozziconacci, Sylvie, 1998. *Speech Variability and Emotion: Production and Perception*. Eindhoven: Eindhoven University of Technology.
- Mryna Laksman, 1994. "Location of stress in Indonesian words and sentences". Dlm: C. Odé dan Vincent J. van Heuven (ed.). *Experimental Studies Of Indonesian Prosody*. (Semaian 9). Leiden: Vakgroep Talen en Culturen van Zuidoost-Azië en Oceanië, Rijksuniversiteit te Leiden, hlm. 108-139.
- Odé, Cecilia, 2000. Some notes on prosody in Mpur and local Indonesian. *Studies in Slavic and General Linguistics*. Amsterdam: Rodopi.
- Samsuri, 1971. *Tjiri-tjiri Prosodi Kalimat Bahasa Indonesia*. Malang: FKSS-IKIP Malang.
- Sanat Md. Nasir, 2002. *Tautan dalam Wacana Bahasa Melayu Akhbar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suharno, I., 1982. *A Descriptive Study of Javanese*. Canberra: Australian National University, Research School of Pacific Studies, Depart of Linguistics.
- Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*, 1995. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wong, E.T.K., 1994. *A Systematic Phonological Study of Penampang Kadazan*. Tesis Ph.D., Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zanten E. van dan Heuven, V.J. van, 1981. "A phonetic analysis of the Indonesian vowel system: an acoustic preliminary study". *NUSA: Linguistic Studies of Indonesian and Other Languages in Indonesia* 15:70-80.
- Zuraidah Md. Don, 1996. *Prosody in Malay Discourse: An Analysis of Broadcast Interview*. Tesis Ph.D., Universiti Malaya.